

Tun perlu terima hakikat

KUBANG PASU: Bekas Presiden Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad perlu menerima hakikat gagal menempatkan diri dalam pertandingan untuk pemilihan tujuh perwakilan bahagian (G7) itu ke Perhimpunan Agung Umno, November ini.

Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu, Datuk Mohd Johari Baharum, berkata mantan Perdana Menteri itu perlu menerima keputusan itu kerana beliau masih berdegil mahu bertanding jawatan berkenaan walaupun beberapa kali dinasihatkan tidak berbuat demikian,

"Beliau kena terima hakikat, kerana beliau turun (bertanding) sebagai ahli Umno dan beliau juga kena terima keputusan itu sebagai ahli biasa," katanya ketika ditemui selepas mesyuarat Umno Bahagian Kubang Pasu di sini, semalam.

Mohd Johari berkata demikian ketika mengulas kekalahan Dr Mahathir bagi menempatkan diri sebagai perwakilan bahagian ke Perhimpunan Agung Umno.

Di **LANGKAWI**, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid berharap Dr Mahathir mengakui keputusan itu dengan hati terbuka dan menerima kekalahan dengan semangat perpaduan.